

# Bunyamin akan didakwa fitnah Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Pegawai Penerangan Pas Kelantan, Bunyamin Yaacob akan didakwa di mahkamah kerana kenyataan fitnahnya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pejabat Peguam Negara dalam satu kenyataan hari ini berkata Pendakwa Raya berpuas hati dengan bukti bahawa Bunyamin jelas memfitnah Dr Mahathir, selepas mengkaji secara mendalam kertas siasatan yang dikemukakan polis

hari ini.

"Arahan sudah dikeluarkan kepada polis untuk membawa Bunyamin ke mahkamah dan akan didakwa oleh Bahagian Pendakwaan Pejabat Peguam Negara," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, pejabat Peguam Negara memutuskan untuk mengeluarkan kenyataan itu berdasarkan seriusnya dakwaan Bunyamin serta kepentingan umum.

Pada 15 Mac lalu, Bunyamin, 56, yang juga bekas Ahli Parlimen

Bachok, ketika berceramah di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, Kelantan, dilaporkan sebagai berkata bahawa Dr Mahathir menonton video lucah bersama cucu lelakinya, tetapi Perdana Menteri menyifatkan tuduhan itu sebagai satu pembohongan.

Petikan ceramahnya disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM), baru-baru ini. Pelbagai pihak termasuk di Kelantan, Kedah dan Terengganu, turut membuat

aduan polis terhadap Bunyamin.

Berikutan itu, polis menubuhkan satu pasukan khas yang dianggotai pegawai dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Kontinjen Kelantan, bagi menyiasat aduan berkenaan.

Siasatan yang dijalankan pasukan khas itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1)(b) Akta Hasutan 1948 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.